

Bil. S 30

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN) (BIL. 4), 2020

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran dan permulaan kuat kuasa
 2. Pindaan bab 35 dari Penggal 35
 3. Pindaan bab 37
 4. Pindaan bab 37A
 5. Pindaan bab 37B
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN) (BIL. 4), 2020

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuat kuasa

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) (Bil. 4), 2020 dan hendaklah dianggap telah mula berjalan kuat kuasanya pada 1hb April 2017.

Pindaan bab 35 dari Penggal 35

2. Bab 35 dari Akta Cukai Pendapatan, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta itu, adalah dipinda —

(a) dalam ceraiian (2), dengan memotong “15” dari baris pertama dan menggantikannya dengan “2.5”;

(b) dalam ceraiian (2A), dalam perenggan (b), dengan memotong “15” dan menggantikannya dengan “10”.

Pindaan bab 37

3. Bab 37 dari Akta itu adalah dipinda, dalam ceraiian (1), dengan memotong “15” dari baris keempat dan menggantikannya dengan “2.5”.

Pindaan bab 37A

4. Bab 37A dari Akta itu adalah dipinda, dalam ceraiian (2)(b), dengan memotong “15” dan menggantikannya dengan “2.5”.

Pindaan bab 37B

5. Bab 37B dari Akta itu adalah dipinda, dalam ceraiian (2)(b), dengan memotong “15” dan menggantikannya dengan “2.5”.

Diperbuat pada hari ini 16 haribulan Syawal, Tahun Hijrah 1441 bersamaan dengan 8 haribulan Jun, 2020 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**